

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DATIN PADUKA
DR. SITI HASMAH BTE HAJI MOHD. ALI
DI PERASMIAN KOLOKIOUM MEMBINA KETAHAHAN DIRI
DI DEWAN MELATI, HOTEL MERLIN SUBANG
SUBANG JAYA, SELANGOR, PADA HARI JUMAAT
4HB. SEPTEMBER, 1987
PUKUL 9.00 PAGI

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berbahagia Datin Zakiah Hanum,
Ketua 1 PERTIWI;

Dif-dif Kehormat;

Tuan-tuan, Puan-puan dan murid-murid
sekalian,

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah kurniaNya dapat saya bersama-sama di Majlis yang berbahagia ini. Bagi diri saya peluang untuk datang ke Majlis ini dan seterusnya merasmikan Kolokioum Membina Ketahanan Diri amat saya hargai. Saya difahamkan kolokioum ini akan memberi perhatian kepada persoalan yang amat serius pada masa ini, iaitu persoalan penyalah-gunaan dadah, terutama di kalangan anak-anak kita yang masih dibangku sekolah.

2. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada PERTIWI dan Kementerian Pendidikan di atas inisiatif mereka menganjurkan perjumpaan ini. Memang usaha memerangi penyalah-gunaan dadah dihadapi oleh negara kita dengan serius.

...Saya/-

Saya tahu agensi-agensi Kerajaan dan pertubuhan-pertubuhan sukarela telah berganding bahu menyusun rancangan-rancangan tertentu. Namun begitu, kita masih memerlukan penglibatan lebih ramai orang dan lebih banyak pertubuhan, agar bahaya ini dapat benar-benar diatasi. Oleh sebab itu saya mengalu-alukan usaha PERTIWI ini, yang telah berganding bahu dengan Kementerian Pendidikan bagi mengadakan kolokioum ini dalam menghadapi dan mengatasi serta memerangi masalah penyalah-gunaan dadah di negara kita ini.

3. Saya difahamkan bahawa kolokioum ini mempunyai dua aspek yang menarik. Pertama, dari segi para pesertanya. Seminar-seminar dan pertemuan-pertemuan tentang masalah dadah

...biasanya/-

biasanya dijalankan oleh orang dewasa dan dihadiri juga oleh orang dewasa. Tetapi kita tahu bahawa sejumlah besar penagih dadah terdiri daripada orang-orang muda, dalam lingkungan umur belasan tahun, dan di kalangan murid-murid sekolah. Amat wajar benar kita melibatkan mereka dalam perbincangan-perbincangan seperti ini. Saya berpendapat langkah PERTIWI dan Kementerian Pendidikan melibatkan murid-murid sekolah dalam pertemuan ini amat baik dan merupakan satu pendekatan yang baru. Saya percaya langkah ini akan menjadi teladan bagi pertemuan-pertemuan lain selepas ini.

4. Perkara kedua yang menarik tentang kolokium ini ialah cara pengendaliannya. Saya difahamkan bahawa bukan sahaja para

...pesertanya/-

pesertanya terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah tetapi pelajar-pelajar ini juga yang akan mengambil bahagian utama. Mereka akan membentangkan kertas-kertas kerja, mempengerusikan sidang, mengulas dan mengambil bahagian dalam perbincangan-perbincangan. Peranan orang dewasa hanya pinggiran, iaitu untuk mengawas kelicinan perbincangan. Kalau dikatakan inilah seminar pelajar tentang najis dadah, memang tepat sekali. Pada pandangan saya, cara ini amat luar biasa, tetapi menarik kerana kali ini kita akan dapat mendengar daripada mereka sendiri masalah dadah. Selama ini laporan-laporan yang kita terima datangnya daripada orang dewasa, yang sering melihat masalah-masalah itu daripada kaca mata mereka sendiri. Sekarang kita

...berpeluang/-

berpeluang mendengar pengalaman dan pandangan daripada kaca mata golongan yang terlibat secara langsung dengan masalah ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

5. Sebagai seorang ibu saya memandang berat terhadap masalah penyalah-gunaan dadah yang melanda anak-anak kita pada masa ini. Zaman remaja ialah zaman bersuka-ria, zaman menikmati hidup tanpa tanggungjawab dan beban yang berat. Tetapi bagi mereka yang terjerumus ke lembah penagihan dadah, nikmat hidup sudah tidak ada lagi. Hidup mereka penuh dengan kesengsaraan, ditakluk oleh kepuasan yang datang daripada suntikan atau hisapan candu, yang merampas maruah dan nilai, yang menjadikan mereka sanggup

... mencuri/-

mencuri, merompak dan berdusta. Masa depan bagi mereka amat gelap.

6. Saya berpegang kepada falsafah mencegah lebih baik daripada mengubati sesuatu penyakit. Oleh sebab itulah maka saya amat gembira dengan usaha mengadakan kolokioum ini, yang melibatkan secara langsung para pelajar, kerana satu cara yang baik untuk mengatasi masalah penyalah-gunaan dadah ialah mencari penyelesaiannya pada tahap awal lagi, pada peringkat mereka di bangku sekolah. Anak yang kita selamatkan pada peringkat ini akan menjadi orang dewasa yang sempurna pada masa hadapan, orang dewasa yang dapat menjalankan tugas-tugas dengan baik dan membawa negara yang kita cintai ini ke alam makmur dan sejahtera.

... Saya/-

7. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan selamat maju jaya kepada para pelajar peserta kolokioum ini. Semoga dengan bimbingan para pendidik daripada Kementerian Pendidikan dan para dermawan, maka pelajar-pelajar, peserta dan anak-anak muda kita semua akan terselamat daripada bahaya dan ancaman penyalah-gunaan dadah.

Tuan-tuan, Puan-puan dan murid-murid sekalian,

8. Dengan harapan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Kolokioum Membina Ketahanan Diri anjuran PERTIWI dengan kerjasama Kementerian Pendidikan.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

